

09/04/1997

Arab jangan pinggir negara miskin

Haniff Hadi in Manama (Bahrain)

MANAMA (Bahrain), Selasa - Negara-negara Teluk dan masyarakat Arab tidak harus meminggirkan negara miskin serta melupakan negara di Timur dalam keghairahan mereka berkiblat ke Barat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, negara-negara Teluk perlu menggembleng tenaga untuk mewujudkan Komanwel Global tunggal, berasaskan logik kemakmuran bersama yang bertimbang rasa kepada semua hamba Allah dan anak cucu Nabi Adam.

Dr Mahathir menekankan dua perkara itu ketika berucap di Forum Ekonomi Negara-Negara Teluk di sini hari ini. Beliau berada di Bahrain atas jemputan kerajaan negara itu.

Dalam ucapan yang disulami dengan cerita pengalaman dan kejayaan ekonomi Malaysia, Perdana Menteri berkata negara-negara Teluk terletak di Asia Barat dan bukan di Timur Tengah, Timur Eropah atau di tengah-tengah negara kaya.

"Anda boleh tempatkan diri di mana anda suka. Anda boleh berbaik-baik dengan negara Utara tetapi janganlah sekali-kali meminggirkan negara Selatan. Pandanglah ke Timur dan usah lupa untuk ke Timur seperti dilakukan oleh orang Arab dahulu kala.

"Sejarah membuktikan hubungan ke Timur bermanfaat bagi kami di Timur, menguntungkan Eropah di Utara dan berfaedah untuk anda," katanya sambil menyebut, orang Arab adalah 'Orang Barat' pertama menjejakkan kaki di Semenanjung Malaysia.

"Bagi kami, anda juga orang Barat dan bukan orang Eropah sahaja. Kami di Malaysia dan Asean memerlukan anda dan mahu anda bersama kami dalam usaha memakmurkan masa depan bersama.

"Negara-negara Arab mempunyai kepentingan untuk bersama kami dan mengaut keuntungan daripada rantau yang paling dinamik pembangunan ekonominya," katanya.

Perdana Menteri percaya kegemilangan tamadun Asia dulu boleh diulangi, bukan secara ketenteraan tetapi dengan memperoleh kuasa ekonomi bagi mengimbangi kekuatan Eropah dan Amerika.

Asia tidak boleh bercita-cita untuk menguasai dunia, sebaliknya bertekad mengimbangi dominasi Barat agar dunia yang lebih saksama dapat diwujudkan. Banyak keuntungan boleh diraih dari Eropah yang matang dan masih kaya, tetapi adalah satu kesilapan untuk berkiblat ke sana saja.

"Pandanglah ke Timur. Malaysia memandang ke Timur tanpa berhenti memandang ke Barat. Hasilnya, kami untung besar. Negara-negara Asia Barat tidak akan rugi apa-apa jika memandang ke Timur. Sebaliknya, anda akan untung, bukan sedikit tetapi banyak," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun dicemuh pengkritik dari Barat, beliau yakin Asia akan menjadi pusat tarikan ekonomi dunia dan negara Asia Barat perlu mengambil bahagian penting dalam kebangkitan Asia baru yang diterajui negara-negara Asia Timur.

Pengkritik Barat, katanya, tidak faham dan menyifatkan kejayaan Asia Timur sebagai satu keajaiban.

Dengan memberikan perangkaan kemajuan ekonomi dan pendapatan per kapita rakyat Malaysia sejak merdeka hingga sekarang, Dr Mahathir berkata semua itu bukan diperolehi secara percuma atau menerusi misteri ilmu sihir tetapi kerana kerja keras, semangat dan keringat rakyat Malaysia.

Rakyat Malaysia bekerja lebih kuat daripada orang Israel, Jepun atau

German. Purata masa mereka bekerja ialah 2,288 jam.  
(END)